

# Wujudkan pelaburan besar untuk sektor pekerjaan

**Kerajaan perlu berani melabur bagi perbaiki sektor pekerjaan**

NOOR HAYATI MAMAT

SHAH ALAM

**W**awasan Kemakmuran Bersama 2030 yang menggariskan tujuh teras strategik memerlukan keberanian kerajaan bagi membuat pelaburan besar khususnya dari aspek memperbaiki sektor pekerjaan.

Pakar Ekonomi Universiti Tun Abdul Razak, Prof Emeritus Dr Barjoyai Bardai berkata, sektor tersebut sangat penting kerana 80 peratus isi rumah ialah mereka yang terlibat dengan alam pekerjaan.

"Bagi memperbaiki sektor pekerjaan, tiga program atau elemen perlu dilaksanakan iaitu latihan sebagai usaha tingkatkan kemahiran pekerja, kemahiran baharu kepada pekerja serta wujudkan jawatan baharu lebih tinggi."

"Kerajaan perlu berani melabur untuk program ini. Misalnya, untuk tingkatkan pekerjaan (libatkan peruntukan) RM10 bilion setahun, projek tingkatkan usahawan mikro RM30 bilion dan laksanakan secara meluas dalam kalangan pesara pelajar."

"Ketiga elemen ini akan dilaksanakan seiringan dengan Revolusi Industri 4.0 dan kita jangkakan 60 peratus kerja dan



FOTO: BERNAMA



**Wawasan Kemakmuran Bersama**

jawatan akan hilang sebab tidak diperlukan lagi. Jadi ini merupakan matlamat besar," katanya ketika dihubungi *Sinar Harian* semalam.

Beliau berkata, alam pekerjaan kini menghadapi masalah kerana tahap produktiviti tidak meningkat, kadar gaji tidak dinaiakan serta tidak bertambah sejak 2010 lepas.

"Jika kerajaan bersungguh perbaiki sektor pekerjaan, ini adalah antara komponen penting memastikan Wawasan Kemakmuran Bersama dapat dicapai," ujarnya.

Menyentuh mengenai cabaran dihadapi dalam memastikan jurang pendapatan dirapatkan, beliau berkata, ia bergantung kepada bagaimana membawa kumpulan miskin tegar untuk meningkatkan tahap hidup me-

reka supaya memperoleh pendapatan sesuai untuk hidup sebagai kumpulan berpendapatan sederhana tinggi.

"Seorang ahli ekonomi menyatakan, kalau hendak capai matlamat kita perlu tingkatkan kadar pertumbuhan ekonomi sebanyak lapan peratus setahun bagi tempoh 10 tahun berturut-turut.

"Kita hendak bantu kumpulan yang miskin tegar terlebih dahulu untuk tingkatkan pendapatan mereka dan apabila pendapatan meningkat, sumbangan mereka kepada ekonomi akan bertambah," ujarnya.

Sementara itu, Penganalisis Ekonomi Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Mohd Yusof Saari berkata, peranan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) perlu dimaksimumkan dalam mewujudkan dan menyerap pekerjaan langsung dan tidak langsung sepanjang rantai-supPLY bekalan.

"Tidak dinafikan GLC juga penting dalam pastikan pertumbuhan negara yang berterusan, jadi lebih banyak boleh dilakukan untuk mengoptimalkan peranan mereka dalam pembangunan negara, khususnya dalam membawa ekonomi bumiputera ke tahap lebih tinggi."

"Bagi merapatkan jurang pendapatan antara rakyat dengan negeri, fokus juga harus diberikan kepada pembangunan luar bandar," ujarnya.



BARJOYAI

## Penekanan konsep berkongsi kekayaan

**SHAH ALAM** - Wawasan Kemakmuran Bersama mampu mewujudkan satu ekosistem yang bukan hanya berkonsep berkongsi kekayaan tetapi turut dilihat sebagai pendekatan berusaha memajukan diri ke hadapan.

Pengerusi Generasi Muda Bumiputera (GMB) Terengganu, Norlukmal Mat Ghani berkata, masyarakat perlu sentiasa berusaha menambah pengetahuan dan berkongsi ilmu.

"Dari aspek konsep keusahawanan, kita dapat berkongsi kekayaan dan semua ini salah satu komponen penting bagi memastikan matlamat wawasan ini dapat dicapai."

"Kita tetap kena kaya tetapi bukan seorang diri dan kekayaan dimiliki tidak akan hilang apabila kita berkongsi apatah lagi dalam Islam sendiri pun mengajar konsep bersedekah."

"Misalnya, apabila syarikat besar untung banyak jangan hanya pemilik atau orang berjawatan tinggi sahaja dapat jadi kaya raya, biarlah semua lapisan pekerja dapat manfaat," katanya.

Menurutnya, perkongsian kekayaan bukan hanya dalam bentuk wang ringgit tetapi ilmu pengetahuan yang dapat digunakan bagi membantu individu meningkatkan diri.

"Kita kena sebarkan ilmu dan

tambahkan ilmu pengetahuan bagi melahirkan masyarakat berilmu di negara ini sekali gus mewujudkan kemakmuran yang sebenar."

"Apabila ada ilmu kita akan naik taraf diri. Kita kena berusaha dan saya ingin menyeru kepada masyarakat agar kita jangan lagi sekadar bersikap tunggu serta menadah semata-mata sebaliknya perlu turut sama menghulur," ujarnya.



**Dasar baharu ini diharap dapat membela nasib golongan B40 di samping kumpulan yang lain juga kerana Wawasan Kemakmuran Bersama adalah satu usaha memastikan tiada golongan tersasar. Keadilan sosial dan kesaksamaan jadi agenda."**

- Guru, Siti Haslinda Mohammad, 37



**Wawasan ini baik kerana ia usaha merapatkan jurang kekayaan antara negeri. Saya harap ini bukan sekadar wawasan atau slogan tapi biarlah disusuli dengan tindakan efisien, dinamik dan sistematik ke arah itu. Semoga Wawasan Kemakmuran Bersama ini makmurkan lagi ekonomi negara."**

- Tenaga Pengajar, Raziel Md Rahim, 49



**Wawasan ini diharap benar-benar dapat membantu rakyat peringkat bawah dan yang berpendapatan sederhana supaya sama-sama berpeluang menikmati manfaat bersama dan bukannya dinikmati golongan atasan atau korporat sahaja."**

- Pengamal media, Mastura Jamal Din, 43